



GPP-05-PLANMalaysia@Negeri Sembilan

**GARIS PANDUAN PERANCANGAN
MENARA DAN STRUKTUR
SISTEM PEMANCAR
TELEKOMUNIKASI**


NEGERI SEMBILAN

PLANMalaysia@Negeri Sembilan

Perancangan Melangkaui Kelaziman

Planning : Beyond Conventional

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan)



Cetakan Pertama 2019

© Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam garis panduan perancangan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah PLANMalaysia@Negeri Sembilan.

J U L A I 2 0 1 9

Diterbitkan di Malaysia oleh

PLANMalaysia@Negeri Sembilan

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan)

Tingkat 3, Blok A, Wisma Negeri,

Jalan Dato' Abdul Malek,

70900 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-765 9701, Fax : 06 764 5622

P E M B E R I T A H U A N

Garis Panduan Perancangan Menara Dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Negeri Sembilan ini telah dipersetujui oleh **Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.3/2019 pada 25 Mac 2019** untuk digunakan dan telah diluluskan pemakaiannya oleh **Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Sembilan melalui Kertas Mesyuarat No.720/2019 pada 15 Mei 2019**

Garis panduan ini menggantikan Garis Panduan Pembinaan Menara Dan Struktur Sistem Pemancaran Telekomunikasi Edisi 2002 (Kertas Mesyuarat MMKN 1301/2002 yang bersidang pada 2 April 2002)

Pelaksanaan dan penguatkuasaan kepada garis panduan umum dan khusus yang terkandung dalam garis panduan ini perlu diselaraskan dengan rancangan pemajuan (khususnya rancangan tempatan dan rancangan kawasan khas) yang sedang berkuatkuasa di kawasan pihak berkuasa perancang tempatan di Negeri Sembilan.

Perlu dirujuk kepada dasar-dasar, pekeliling, arahan dan piawaian-piawaian yang digubal dan dikuatkuasakan oleh PBPT kepada skop kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang serta garis panduan yang lain yang digubal oleh PLANMalaysia@Negeri Sembilan

JULAI 2019

ISI KANDUNGAN

BIL.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0	TUJUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
2.1	Definisi	
2.1.1	Menara Pemancar Telekomunikasi	2
2.1.2	Menarai Pemancar Multi Fungsi	2
2.1.3	Menara Pemancar Sementara	3
2.1.4	Struktur Atas Bangunan	3
2.1.5	Struktur Atas Binaan	4
2.1.6	Pemancar Mudah Alih	4
2.2	Kategori	5
2.3	Isu-Isu Umum Berkaitan Perancangan Menara Dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Negeri Sembilan	6
2.3.1	Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Telekomunikasi Tanpa Kelulusan Daripada PBT	6
2.3.2	Keperluan Pembinaan Tapak-tapak Menara Telekomunikasi Atas Tanah Yang Terlalu Hampir Antara Satu Sama Lain	6
2.3.3	Pembangunan Tanah Bersempadan dan Jalan Masuk	7
2.3.4	Pembinaan Struktur Sistem Pemancar Di Atas Bangunan Yang Tidak Terkawal	7
3.0	GARIS PANDUAN PERANCANGAN MENARA DAN STRUKTUR SISTEM PEMANCAR TELEKOMUNIKASI NEGERI SEMBILAN	8
3.1	Garis Panduan Umum	
3.1.1	Perancangan Tapak	8
3.1.2	Perkongsian Menara	8
3.1.3	Penyamaran Menara	8
3.1.4	Pemilihan Tapak	8
3.1.5	Keselamatan (Dedahan Kepada Medan Elektromagnet (EMF)	9
3.2	Garis Panduan Khusus	
3.2.1	Struktur Atas Tanah	10
3.2.2	Struktur Bukan Atas Tanah	15
4.0	PENUTUP	16

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Aspek dan Syarat Khusus Perletakan Tapak dan Reka Bentuk Bagi Struktur Atas Tanah	10 13 14
Jadual 3.2	Aspek dan Syarat Khusus Perletakan Tapak dan Reka Bentuk Bagi Struktur Bukan Atas Tanah	15

SENARAI FOTO

Foto 1	<i>Monopole Tree</i>	1
Foto 2	Menara Kekisi Berkaki Tiga / Empat	2
Foto 3	<i>Monopole</i>	2
Foto 4	Papan Tanda Multi Fungsi	2
Foto 5	Lampu Multi Fungsi	2
Foto 6	<i>Portable Base Transceiver Station (BTS) - Mast</i>	3
Foto 7	<i>Bipod</i>	3
Foto 8	<i>Tripod</i>	3
Foto 9	Menara Muazzin	4
Foto 10	Papan Iklan	4
Foto 11	Tangki Air	4
Foto 12	<i>Cellular On Wheels (COW)</i>	4
Foto 13	Pemancar Berbentuk Minimast di Bandar Baru Nilai	7

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Ilustrasi Menara Kekisi Berkaki Empat	5
Rajah 2	Ilustrasi Struktur Atas Bangunan	5
Rajah 3	Ukuran Jaran Anjakan	12
Rajah 4	Ilustrasi Ketinggian Struktur Bukan Atas Tanah	16

SENARAI PETA

Peta 1	Peta Kawalan GIS Menara	11
---------------	-------------------------	-----------

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Perancangan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Negeri Sembilan (GPP Menara dan Struktur Sistem Pemancar Negeri Sembilan) disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri Sembilan (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sembilan dan agensi-agensinya teknikal yang berkaitan untuk mengurus dan mengawal pembinaan menara telekomunikasi dan struktur sistem pemancar dengan berpandukan syarakat-syarat pembinaan yang lebih tersusun dan efektif selaras dengan kepesatan teknologi telekomunikasi. GPP ini juga bertujuan untuk meningkatkan nilai estetik pembinaan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi untuk memperbaiki imej bandar dan mengatasi masalah persepsi masyarakat terhadap kesan kesihatan dan keselamatan daripada sinaran medan elektromagnet yang dihasilkan oleh menara atau struktur sistem pemancar komunikasi.

2.0 LATAR BELAKANG

Sistem telekomunikasi moden memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian dan telah menjanakan putaran ekonomi dan kemudahan sosial. Bagi mendapatkan liputan telekomunikasi yang baik, pembinaan menara dan struktur sistem pemancar diperlukan. Pembinaan menara dan struktur sistem pemancar yang banyak perlu dikawal dan diurus supaya perletakannya tidak memberikan kesan dan impak yang negatif kepada orang awam.

Garis panduan ini mensyaratkan semua pembinaan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi dibuat melalui permohonan Kebenaran Merancang kepada PBT berkenaan selaras dengan subseksyen 19, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Permohonan hendaklah disertakan dengan pelan-pelan, spesifikasi dan semua dokumen berkaitan.



Foto 1: Monopole Tree

2.1 Definisi

2.1.1 Menara Pemancar Telekomunikasi

Menara atau struktur pemancar komunikasi yang didirikan di atas tanah (*free standing structure*). Ini merujuk kepada menara / struktur (termasuk menara yang menerapkan ciri estetika) yang dibina untuk tujuan pemasangan sistem pemancar komunikasi semata-mata, tanpa fungsi-fungsi tambahan. Antara contoh menara ini ialah menara kekisi berkaki tiga/empat, monopole, *monopole tree*.

2.1.2 Menara Pemancar Multi Fungsi

Menara atau struktur multi fungsi (atau berbilang fungsi) yang didirikan di atas tanah, dibina khusus untuk tujuan gunasama pemasangan sistem pemancar komunikasi.

a) Struktur sedia ada (seperti lampu jalan dan papan tanda) yang diganti dengan struktur multi fungsi untuk tujuan gunasama pemasangan sistem pemancar komunikasi.

b) Menara pemancar komunikasi yang dinaiktaraf/ ditambah fungsi menjadi menara pemancar komunikasi multi fungsi.



Foto 2: Menara Kekisi Berkaki Tiga / Empat

Foto 3: Monopole



Foto 4: Papan Tanda multi fungsi



Foto 5: Lampu multi fungsi

2.1.3 Menara Pemancar Sementara

Menara yang bersifat sementara, yang dipasang pada sesuatu tapak bagi tujuan menutup kelopongan/ menambahbaik liputan/ kapasiti rangkaian telekomunikasi.

*Contoh :- Portable BTS (mast),
Portable BTS (monopole)*



Foto 6: Portable Base Transceiver Station (BTS) - mast

2.1.4 Struktur Atas Bangunan

Struktur atau sistem pemancar komunikasi yang dibina atau dipasang pada bumbung atau pada mana-mana bahagian lain diatas sesuatu bangunan.

*Contoh :- Unipole, Boom,
Tripod, Bipod*



Foto 7: Bipod



Foto 8: Tripod

2.1.5 Struktur Atas Binaan

Struktur atau sistem pemancar komunikasi yang dibina atau dipasang pada mana-mana bahagian sesuatu binaan. Ianya merujuk kepada sebarang binaan sedia ada yang ditumpang atau diubahsuai untuk tujuan pemasangan sistem pemancar komunikasi. "Binaan" ialah apa-apa struktur dan prasarana selain bangunan.

Contoh : Lampu jalan/ lampu limbah, Papan tanda, Jambatan, Menara muazzin, Tangki Air, Tiang Bendera & Lampu isyarat.



Foto 10: Papan Iklan



Foto 11: Tangki Air

2.1.6 Pemancar Mudah Alih

Struktur atau sistem pemancar komunikasi atas kenderaan berat yang diletakkan pada sesuatu tapak bagi tujuan menutup kelopongan atau menambahbaik liputan atau kapasiti rangkaian telekomunikasi.

Contoh :- Cellular On Wheels (COW)




Foto 12: Cellular On Wheels (COW)

2.2 Kategori

Kategori menara dan struktur sistem pemancar dibahagikan kepada 2 kategori iaitu :-

1. Struktur atas tanah (SAT)
2. Struktur bukan atas tanah (SBAT)




Kategori struktur atas tanah (SAT) terdiri daripada 3 sub kategori iaitu :

- **SAT 1** - Menara Pemancar Telekomunikasi
- **SAT 2** - Menara Pemancar Komunikasi Multi Fungsi
- **SAT 3** - Menara Pemancar Sementara

Kategori struktur bukan atas tanah (SBAT) terdiri daripada 3 sub kategori iaitu :

- **SBAT 1** - Struktur atas bangunan
- **SBAT 2** - Struktur atas binaan
- **SBAT 3** - Pemancar mudah alih



Rajah 1: Ilustrasi Menara Kekisi Berkaki Empat

Rajah 2: Ilustrasi Struktur atas bangunan

2.3 Isu – Isu Umum Berkaitan Perancangan Menara Dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Negeri Sembilan

Terdapat beberapa isu-isu semasa berkaitan perancangan dan pembinaan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi di Negeri Sembilan, antaranya ialah:

2.3.1 Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Telekomunikasi Tanpa Kelulusan Daripada PBT

Terdapat menara dan struktur sistem pemancar dibina tanpa kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seterusnya mendapat aduan daripada penduduk sekitar. Program pemutihan terpaksa dibuat dan tindakan penguatkuasaan atau perobohan bagi yang tidak memenuhi syarat-syarat teknikal terpaksa dilakukan.



2.3.2 Keperluan Pembinaan Tapak-tapak Menara Telekomunikasi Atas Tanah Yang Terlalu Hampir Antara Satu Sama Lain.

Tiada satu pendekatan yang bersepadu antara syarikat-syarikat telekomunikasi dan syarikat-syarikat yang mempunyai lesen Network Facility Provider (NPP) yang mengguna pakai satu prosedur permohonan permit pembinaan struktur sistem pemancar telekomunikasi yang seragam. Pelaksanaan ini agak sukar dibuat kerana ruang struktur (tiang) yang terhad untuk menempatkan peralatan seperti panel pemancar (antenna) serta piring gelombang mikro, sokongan beban di samping beberapa faktor teknikal sistem yang berbeza antara Telco sedia ada.

2.3.3 Pembangunan Tanah Bersempadan Dan Jalan Masuk

Garis anjakan bangunan yang dicadangkan untuk tapak menara telekomunikasi yang melibatkan tanah lot bersebelahan. Masalah akan timbul apabila pemilik tanah bersempadan hendak melaksanakan pembangunan disebabkan garis anjakan bangunan antara kediaman dan menara tidak menepati piawaian perancang. Selain itu, pembinaan jalan masuk diatas tanah lot individu tidak terlibat dalam proses penyewaan tapak menara telekomunikasi merumitkan lagi masalah.

2.3.4 Pembinaan Struktur Sistem Pemancar Di Atas Bangunan Yang Tidak Terkawal

Lokasi yang tidak sesuai seperti pembinaan struktur sistem pemancar atas kubah menara dan tepi-tepi bangunan. Pembinaan struktur sistem pemancar di atas bumbung tidak mengambil kira kegunaan bangunan bersebelahan khususnya kawasan-kawasan kediaman.



Foto 13: Pemancar berbentuk minimast di Bandar Baru Nilai

3.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN MENARA DAN STRUKTUR SISTEM PEMANCAR TELEKOMUNIKASI NEGERI SEMBILAN

3.1 Garis Panduan Umum

3.1.1 Perancangan Tapak

- Memastikan setiap pembinaan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi mendapat kelulusan PBT. Dirizabkan bersesuaian dengan keperluan di dalam kawasan pembangunan baru.
- Mengambil kira faktor geografi tapak dan permintaan penggunaan.
- Keperluan pembinaan menara boleh dibenarkan di dalam semua kawasan tertakluk kepada GP perancangan dan undang-undang semasa yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri.

3.1.2 Perkongsian Menara

- Perkongsian menara antara penyedia TELCO adalah digalakkan.
- Pihak bertanggungjawab hendaklah menyelaras keperluan pembinaan menara agar menara sedia ada boleh dikongsi antara TELCO.
- Pembinaan menara boleh dibenarkan sekiranya menara sedia ada tidak boleh menampung radas tambahan atau terdapat kekangan teknikal.

3.1.3 Penyamaran Menara

- Rekabentuk menara menggunakan teknik penyamaran (*camouflaging*) dan hadangan (*screening*) diutamakan untuk memelihara ciri estetica dan keharmonian struktur telekomunikasi.
- Rekabentuk struktur pemancar digalakkan menyerupai tiang lampu, tiang CCTV, papan iklan, lampu isyarat atau pokok.

3.1.4 Pemilikan Tapak

- Pemilikan rizab menara akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

3.1.5 Keselamatan [Dedahan Kepada Medan Elektromagnet (EMF)]

- SKMM ialah agensi yang bertanggungjawab bagi mengawalselia dan memastikan pematuhan kepada tahap dedahan EMF daripada menara dan struktur sistem pemancar.
- Pihak pemaju dan pembekal kemudahan rangkaian hendaklah memastikan semua menara dan struktur sistem pemancar mematuhi had dedahan pancaran radio frekuensi mengikut tetapan SKMM iaitu *Commission Determination on the mandatory standard for electromagnetic field emission from radiocommunications infrastructure (determination no 1 of 2010)*.
- Ketetapan selaras dengan GP yang ditetapkan oleh International Commission on non-ionizing radiation protection (ICNIRP) sebuah badan yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa (WHO).
- Sebarang aduan mengenai keselamatan daripada dedahan EMF boleh dirujuk kepada SKMM melalui Sistem Aduan SKMM (<http://aduan.skmm.gov.my>) atau melalui Agensi Nuklear Malaysia, Kumpulan Sinaran Tidak Mengion (NIR).

3.2 Garis Panduan Khusus

Garis panduan khusus merangkumi aspek dan syarat terperinci untuk permohonan menara dan struktur sistem pemancar bagi struktur atas tanah dan bukan atas tanah.

3.2.1 Struktur Atas Tanah

Permohonan menara telekomunikasi hendaklah mematuhi 7 aspek dan syarat-syarat yang digariskan dalam Jadual 3.1.


Jadual 3.1 : Aspek Dan Syarat Khusus Perletakan Tapak dan Reka Bentuk Bagi Struktur Atas Tanah

BIL	ASPEK	SYARAT															
1.	Keperluan penyediaan rizab menara	Bagi setiap cadangan projek pembangunan baru atau pembangunan semula yang melebihi 10-50 ekar, pihak pemaju hendaklah menyediakan satu ruang kawasan bagi tujuan perletakan menara komunikasi.															
2.	Jarak antara menara	1 km bagi setiap menara berketinggian melebihi 45 meter dan hendaklah merujuk Peta Kawalan GIS menara (Peta 3.1).															
3.	Jarak Anjakan	<p>Jarak minimum antara struktur dan sisi bangunan adalah berbeza mengikut jenis guna tanah</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis bangunan/ guna tanah</th> <th>Ketinggian menara bawah daripada (<45 meter)</th> <th>Ketinggian menara 45 meter dan lebih (≥45 meter)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kediaman</td> <td>20 meter</td> <td>30 meter</td> </tr> <tr> <td>Komersial</td> <td>10 meter</td> <td>15 meter</td> </tr> <tr> <td>Industri</td> <td>5 meter</td> <td>10 meter</td> </tr> <tr> <td>Institusi</td> <td>20 meter</td> <td>30 meter</td> </tr> </tbody> </table> <p>Ukuran jarak dalam jadual ini dikira dari tengah menara (punca) (Rujuk Rajah 3)</p>	Jenis bangunan/ guna tanah	Ketinggian menara bawah daripada (<45 meter)	Ketinggian menara 45 meter dan lebih (≥45 meter)	Kediaman	20 meter	30 meter	Komersial	10 meter	15 meter	Industri	5 meter	10 meter	Institusi	20 meter	30 meter
Jenis bangunan/ guna tanah	Ketinggian menara bawah daripada (<45 meter)	Ketinggian menara 45 meter dan lebih (≥45 meter)															
Kediaman	20 meter	30 meter															
Komersial	10 meter	15 meter															
Industri	5 meter	10 meter															
Institusi	20 meter	30 meter															


Ketinggian Menara bawah
Daripada (<45 meter)

Ketinggian Menara 45 meter
Dan lebih (>45 meter)


KEDIAMAN




KOMERSIAL



INDUSTRI



INSTITUSI



Rajah 3 Ilustrasi Ukuran Jarak Anjakan Antara Struktur Menara dan Sisi Bangunan

BIL	ASPEK	SYARAT
4.	Pemilihan Tapak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Digalakkan pembinaan di kawasan rata dan di kawasan cerun kurang dari 25 darjah, hanya dibenarkan dengan syarat langkah-langkah pengawalan runtuhan perlu dilaksanakan. ▪ Pembinaan di kawasan cerun lebih dari 25 darjah dibenarkan dengan syarat langkah-langkah pengawalan runtuhan perlu dilaksanakan seperti meningkatkan kestabilan cerun dan melaksanakan penyediaan benteng iaitu seperti <i>gravity retaining wall</i>, <i>crib wall</i> dan lain-lain.
5.	Keluasan Tapak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Saiz maksimum 20m x 20m (Keluasan maksimum tapak bergantung kepada ketinggian menara dan kabin yang akan dibina berdasarkan kepada jenis menara iaitu 4 legged, 3 legged atau monopole) ▪ Saiz minimum kabin 1m x 2m (bergantung kepada keperluan pemberi kemudahan rangkaian untuk memasang komunikasi)
6.	Jalan Masuk	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Cadangan jalan masuk dengan kelebaran minimum 3 meter (10 kaki) atau mematuhi keperluan/ketetapan PBT dan JKR dari segi jenis jalan, reka bentuk dan piawaian. ▪ Kawasan menara hendaklah dipagar sepenuhnya dengan menyediakan pintu laluan masuk yang terkawal ▪ Kos bagi kerja penyelenggaraan akses/laluan keluar masuk hendaklah ditanggung oleh pemilik menara.


BIL	ASPEK	SYARAT
7	Reka bentuk struktur	<ul style="list-style-type: none">▪ Pembinaan menara telekomunikasi dicadang boleh dikongsi bersama tapak utiliti lain melalui reka bentuk yang bersesuaian dan menggunakan teknik penyamaran (camouflage).▪ Pembinaan menara telekomunikasi dimana pihak syarikat telekomunikasi disarankan untuk menimbangankan pembinaan menara secara bersepadu bagi pembangunan di kawasan baru.▪ Mensyaratkan menara estetik di kawasan bandar.

3.2.2 Struktur Bukan Atas Tanah

Permohonan menara telekomunikasi hendaklah mempertimbangkan 4 aspek dan syarat-syarat yang digariskan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2 : Aspek Dan Syarat Khusus Peletakan Tapak dan Reka Bentuk bagi Struktur Bukan Atas Tanah

	ASPEK	SYARAT
1.	Ketinggian struktur	Ketinggian tidak boleh melebihi separuh ketinggian permukaan tampak bangunan atau maksimum 12 meter yang mana lebih rendah. (Rujuk Rajah 4)
2.	Peletakan struktur	Meminimumkan perletakan di lokasi yang menjejaskan kualiti visual bandar.
3.	Reka bentuk	Memelihara ciri estetika bangunan atau keharmonian dengan tampak bangunan serta memenuhi keperluan fasad pembangunan seperti yang berikut:- <ul style="list-style-type: none"> ▪ Struktur tersebut hendaklah disusun dengan teratur dan kemas; ▪ Reka bentuk dalam kawasan pusat bandar hendaklah diselaraskan dengan elemen rekabentuk bandar. ▪ Sistem pemancar hendaklah dari jenis radas yang diperakui oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) atau agensi perakuan yang dilantik oleh SKMM. ▪ Pemancar berbentuk minimast tidak digalakkan.
4.	Syarat tambahan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemilik struktur perlu menghantar laporan pemantauan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) setiap kali memperbaharui permit. ▪ Laporan Pemeriksaan Menara yang diperakukan oleh Jurutera Berkelayakan perlu dihantar kepada PBT setiap 2 tahun.



Rajah 4 : Ilustrasi Ketinggian Struktur Bukan Atas Tanah

4.0 PENUTUP

Garis Panduan Perancangan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Negeri Sembilan ini merupakan panduan yang dapat membantu PBT, PBN, agensi teknikal, pemaju dan orang perseorangan untuk merancang dan mengawal pembinaan menara dan struktur sistem pemancar.

Penyediaan garis panduan ini juga selaras dengan keperluan dan perkembangan industri telekomunikasi dan dapat membantu menjayakan Negeri Sembilan menjadi negeri termaju di Malaysia dalam bidang ICT.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

PLANMalaysia@Negeri Sembilan

Perancangan Melangkaui Kelaziman

Planning : Beyond Conventional

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan)

Tingkat 3, Blok A, Wisma Negeri,

70646 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel : 06-765 9701, Fax : 06 764 5622

Laman Sesawang : <http://jpbd.ns.gov.my>